



Good food, Good life

Siaran Berita

Shah Alam, April 7, 2021

Nestlé Malaysia Lancar Secara Rasmi Kilang Pembuatan Makanan Berasaskan Tumbuhan Pertama di ASEAN *Labur RM150 juta bina fasiliti perintis*

Nestlé Malaysia hari ini melancarkan fasiliti pembuatan Penyelesaian Makanan Berasaskan Tumbuhan (PBMS) perintisnya. Pelancaran ini menandakan kilang yang pertama seumpamanya di ASEAN dan merupakan satu daripada hanya dua kilang di Asia yang menghasilkan makanan berasaskan tumbuhan untuk memenuhi permintaan tempatan dan juga eksport. Kini, ia adalah keutamaan penting Kumpulan Nestlé secara global untuk menggalakkan masyarakat untuk mengambil lebih banyak makanan berasaskan tumbuhan.

Nestlé Malaysia telah melabur sebanyak RM150 juta bagi membina fasiliti ini yang telah menjadi penyumbang utama kepada perbelanjaan modal berjumlah RM280 juta pada tahun 2020, iaitu perbelanjaan tertinggi dalam tempoh enam tahun.

En. Chris Johnson, Naib Presiden Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif, Zon Asia, Oceania dan Afrika Sub-Sahara, Nestlé S.A., mengulas, "Kami telah memilih Malaysia dan Selangor, sebagai lokasi hab pembuatan baharu ini, memandangkan lokasi ini menawarkan infrastruktur dan hubungan perdagangan serta tenaga mahir yang diperlukan. Berpaksikan kejayaan Nestlé selama 108 tahun di negara ini, kami yakin bahawa fasiliti baharu ini akan mencipta peluang pertumbuhan baharu yang menarik bagi makanan berasaskan tumbuhan di rantau ini."

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, Kilang pembuatan di Shah Alam ini akan membolehkan kami untuk membekalkan makanan berasaskan tumbuhan keluaran tempatan yang berkualiti tinggi, lazat dan disahkan Halal. Seperti di serata pelusuk dunia, rakyat Malaysia semakin berminat untuk meneroka alternatif kepada pengambilan daging, sama ada bagi kepentingan kesihatan mahupun persekitaran. Oleh itu, kami telah membangunkan rangkaian produk baharu yang menyediakan alternatif nutrisi yang baik bagi menyokong gaya hidup yang lebih sihat dan lestari."

"Tambahan lagi, berbanding produk-produk setara yang berasaskan daging, produk makanan berasaskan tumbuhan ini adalah lebih lestari kerana ianya mempunyai jejak karbon yang lebih rendah dan memerlukan penggunaan minimum sumber asli seperti

air dan tanah. Dengan mempercepatkan pengeluaran makanan dan minuman berasaskan tumbuhan, kami sedang mengorak langkah ke arah masa depan yang lebih lestari buat semua," rumus En Aranols.

Majlis pelancaran tersebut dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj. Duli Yang Maha Mulia Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin, Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, dan Yang Amat Mulia Tengku Puteri Nor Zehan Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, turut mencemar duli menyertai majlis tersebut.

Turut hadir ialah YAB Dato' Seri Amirudin Bin Shari, Menteri Besar Selangor, YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail, Pengerusi, Nestlé (Malaysia) Berhad dan En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad.

Terletak di dalam Kompleks Perindustrian Nestlé yang sedia ada di Shah Alam, Selangor, kilang pengeluaran baharu ini, dengan ruang binaan seluas kira-kira 6,000 meter persegi, mempunyai kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak 8,000 tan dan dilengkapi dengan mesin pemprosesan makanan terkini dan barisan pembungkusan automatik sepenuhnya.

Kilang baharu Nestlé sudah pun memulakan pengeluaran produk berasaskan tumbuhan Harvest Gourmet baharu untuk pasaran di luar rumah dan bakal melancarkan rangkaian penggunaannya, yang boleh didapati di pasaran runcit seluruh negara dan melalui platform eDagang. Diperbuat daripada protein berasaskan tumbuhan bermutu tinggi seperti soya, gandum, ubi bit, lobak merah, delima dan *blackcurrant*, semua produk tidak mengandungi daging, kaya dengan protein dan merupakan sumber serat yang baik. Rangkaian produk termasuk *Sensational Burger* serta *Schnitzel*, produk kepingan panggang dan kisar yang boleh diintegrasikan dengan mudah ke dalam resepi masakan di rumah.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai lebih 270,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6650

Mobile: +6012 353 1337

E-mail: Maxine.Lim@my.nestle.com

Alya Nurina atau Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6010 -221 8216 (Alya) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mail: acorncommunications@acornco.com.my